

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 19.05.2016 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 19

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membina jalan raya dan menyediakan bekalan elektrik untuk Bukit Kinyau, Sarikei, Sarawak.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Rolling Plan 1, Tahun 2016, Kementerian ini melalui Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) telah meluluskan pelaksanaan projek bekalan elektrik untuk pemohon-pemohon di Bukit Kinyau, Sarikei, Sarawak. Projek telah dimulakan pelaksanaan pada 11 April 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada 10 April 2018 dengan kos pelaksanaan berjumlah RM8.2 juta. Projek ini dijangka akan memberi manfaat bekalan elektrik 24 jam kepada 70 pemohon di Bukit Kinyau, Sarikei, Sarawak apabila siap kelak.

Manakala di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) pula, Kementerian ini tidak menerima sebarang permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk melaksanakan Projek di Bukit Kinyau, Sarikei, Sarawak. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat mendapati ada keperluan yang mendesak untuk melaksanakan projek JALB di kawasan tersebut, maka Kementerian mencadangkan supaya Yang Berhormat mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan memastikan ianya disenaraikan di bawah senarai keutamaan Kerajaan Negeri sebelum ianya dikemukakan kepada Kementerian ini. Pihak Kementerian akan membuat permohonan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk pelaksanaan pada RMKe-11, bagi tahun pelaksanaan yang akan datang. Namun begitu, permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.